

Perdana Menteri ketuai Majlis Tindakan Negara

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Urusetia Majlis Tindakan Negara yang dihidupkan semula akan diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, kata jurucakap Jabatan Perdana Menteri.

Katanya, dahulu Urusetia itu di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Majlis itu akan diketuai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, dibantu oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam.

Lain-lain ahli Majlis adalah Menteri-menteri yang dipilih.

Rabu lalu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa Majlis itu akan dihidupkan semula sebagai badan tertinggi untuk meneliti dan memperkemas jentera pentadbiran negara mempastikan projek pembangunan berjalan lancar.

Majlis itu juga akan mengesan pelaksanaan segala rancangan pembangunan.

Tiap agensi, tambahnya, akan memberi taklimat mengenai rancangan dan prestasi mereka kepada Majlis. Sekiranya ada kelambatan atau kelemahan, Majlis akan bertindak mempastikan segala rancangan mengikut jadual.

Unit Penyelarasan Pelaksanaan, katanya, akan bertanggungjawab mempastikan pelaksanaan dan kejayaan sepatutnya diputuskan oleh Majlis Tindakan Negara.

Menurut jurucakap itu lagi, ketika pemerintahan Perdana Menteri Tun Hussein Onn, Majlis itu hanya berunding mengikut kepentingan. Bila difikirkan perlu barulah Majlis akan bersidang.